

29 FEB 1996

SABAH MASUKI INDUSTRI HI-TECH

KOTA KINABALU, 29 Feb (Bernama) -- Sabah merancang memasuki industri teknologi tinggi termasuk mengeluarkan perisian komputer bagi menyokong pertumbuhan sektor perindustrian lain, kata Menteri Pembangunan Perindustrian, Datuk Tham Nyip Shen.

Beliau berkata di bawah Pelan Induk Perindustrian Sabah (SIMP), yang diluluskan pada mesyuarat mingguan Kabinet negeri semalam, Sabah juga akan menimbang untuk memajukan sektor elektronik dan menarik pelabur asing ke kawasan ini.

"Kita berada di tengah-tengah Kawasan Pertumbuhan Asean Timur (EAGA) dan akan menjadi pusat pengeluaran untuk rantau ini," katanya semasa meraikan wartawan di majlis rumah terbuka Tahun Baru Cina dan Hari Raya di sini hari ini.

Katanya, Sabah mempunyai sumber asli yang banyak yang boleh menyokong pertumbuhan pelbagai industri supaya ia setanding dengan kemajuan negeri-negeri lain.

SIMP akan meliputi tempoh 15 tahun bermula tahun ini selaras dengan pembangunan Taman Industri Kota Kinabalu yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"SIMP menyediakan satu rangka kerja bagi menggerakkan Sabah dalam pembangunan perindustrian," katanya. -- BERNAMA.

JS OBA.